

08 DEC 1998

Parlimen-Gulung

KEKESALAN SOROS TIDAK BOLEH DITERIMA, KATA ABDULLAH BADAWI

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kekesalan pedagang matawang antarabangsa George Soros mengenai seruannya supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disingkirkan, tidak boleh diterima.

"Kita tak boleh terima (kekesalannya) sebab sikapnya itu mencampuri urusan dalam negara ini," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 mengenai kementeriannya pada peringkat jawatankuasa di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut beliau Soros sebenarnya bimbang dengan langkah pemulihan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri kerana ia mungkin mengehadkan kesempatannya untuk menambah kekayaannya.

"Kerana marahnya beliau membuat kenyataan baru-baru ini meminta rakyat Malaysia menyingkirkan Perdana Menteri," katanya.

Semalam, Soros, dalam satu sidang media di London sempena pelancaran buku terbarunya menyatakan kesal dengan seruannya supaya Dr Mahathir disingkirkan kerana kenyataan sedemikian mungkin tidak akan membawa kesan yang diharapkan.

Dalam ucapannya di Universiti Johns Hopkins di Amerika Syarikat minggu lepas, Soros meminta rakyat Malaysia menyingkirkan Dr Mahathir yang didakwa menyalahgunakan kuasa dan lebih mengutamakan kroninya.

Kenyataan Soros itu mendapat bantahan hebat daripada pelbagai golongan rakyat Malaysia yang menganggapnya sebagai biadab.

Abdullah berkata Soros telah menyatakan dengan jelasnya dalam sebuah bukunya bahawa masalah yang mungkin dihadapi dalam dunia ekonomi mungkin ditimbulkan oleh Malaysia kerana pendekatan pemulihan ekonomi yang diambil oleh negara ini.

"Dia paling bimbang jika pendekatan kita berjaya, negara lain akan ikut langkah kita dan sebagai pedagang mata wang, dia tentu rasa sedih sebab kesempatannya untuk menambah kekayaan akan terhad," katanya.

Katanya, beliau tidak nampak mengapa langkah pemulihan ekonomi oleh negara ini harus dikecam sedangkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sendiri mengakui langkah-langkah yang diambil olehnya bagi memulihkan ekonomi di Asia Timur tidak berhasil.

"Kalau ada satu formula yang lain, kenapa tidak ini diberi perhatian dan mengapa dikecam."

"Mungkin yang kecam itu ada kepentingan untuk gerakkan spekulasi dan mencari untung dari matawang ringgit seperti Soros," katanya.

Abdullah berkata melalui mesyuarat-mesyuarat antarabangsa yang dihadirinya, beliau sentiasa mengambil kesempatan menerangkan sebab-sebab langkah pemulihan ekonomi itu diambil oleh kerajaan.

"Lebih ramai yang menganggap langkah kita ini rasional dan berharap kita berjaya sebab kalau kita berjaya mereka kata langkah itu mungkin boleh diguna pakai di negara mereka dengan penyesuaian tertentu," katanya.

Katanya, isu-isu mengenai penahanan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim turut diterangkannya dan kebanyakannya berpuas hati dengan penjelasan yang diberi.

"Kita anggap isu berkaitan Datuk Seri Anwar dah tak ada orang peduli kecuali media asing yang mempunyai kepentingan sendiri," katanya.

Mengenai hubungan kerjasama Asean, beliau berkata adalah menjadi suatu perkara luar biasa jika di dalam pertubuhan yang dianggotai oleh negara-negara daripada pelbagai sistem politik, ekonomi, sosial dan budaya,

tiada berlakunya perbezaan pendapat terutama di masa yang sukar seperti sekarang.

Namun sebagai negara-negara anggota, semuanya telah sama-sama berjanji untuk menyelesaikan apa sahaja perbezaan yang timbul dan tidak akan menggunakan tindakan ketenteraan, katanya.

-- BERNAMA

NZ NMO